

D416

U B243 DEB

MAHATHIR - PAS

KUALA LUMPUR, 25 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERPUAS HATI DENGAN PERTEMUAN BELIAU DENGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PAS BARU-BARU INI.

+ PELUANG UNTUK BERJUMPA ITU SUDAH BOLEH DIKATAKAN BAGUS, + KATA BELIAU KEPADA BERNAMA SELEPAS MERAIKAN PARA PESERTA DAN HAKIM MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI BANGUNAN PARLIMEN, HARI INI.

SAMBIL MENGESAHKAN LAPORAN AKHBAR MENGENAI PERTEMUAN YANG DILANGSUNGKAN DI KEDIAMAN BELIAU DI SERI PERDANA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS LANJUT MENGENAINYA.

+ TIDAK ADA APA-APA, CUMA KITA ADAKAN PERTEMUAN DAN TAK PERLU SAYA JELASKAN MENGENAI PERTEMUAN ITU, + KATA BELIAU SEWAKTU DIMINTA MENJELASKAN PERKARA-PERKARA YANG DIRUNDINGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYIFATKAN PERTEMUAN BELIAU DENGAN PEMIMPIN YANG TERDIRI DARIPADA YANG DIPERTUA AGUNGNYA HAJI YUSUF RAWA, TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNGNYA HAJI FACZIL NOOR DAN BENDAHARI AGUNG SYED IBRAHIM ABDUL RAHMAN ITU +SEBAGAI PERTEMUAN SESAMA ISLAM.+ -- LAGI.  
1639MST 25 04 86

U B248 DEB

MAHATHIR - PAS 2 KUALA LUMPUR

MENURUT LAPORAN SEBUAH AKHBAR HARI INI, SYED IBRAHIM DIKATAKAN MEWAKILI NAIB YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI HADI AWANG YANG TURUT SAMA DIUNDANG MENYERTAI PERTEMUAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN MENGADAKAN PERTEMUAN-PERTEMUAN LAIN DENGAN PAS PADA MASA AKAN DATANG TETAPI BELUM MENETAPKAN TARIKH PERTEMUAN SERKENAAN.

PERTEMUAN YANG DILAPORKAN BERLANGSUNG KIRA-KIRA TIGA JAM ITU ANTARA LAIN MEMBINCANGKAN MASALAH-MASALAH YANG MENGANCAM PERPADUAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

HAJI YUSUF RAWA JUGA MENGESAHKAN PERTEMUAN ITU, TETAPI BELIAU DIKATAKAN HAIRAN KERANA WALAUPUN KEDUA-DUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PERTEMUAN ITU BERSETUJU UNTUK TIDAK MEMBESAR-BESARKAN PERTEMUAN TETAPI BERITA MENGENAINYA TETAP DISIARKAN.

SEMENTARA, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA ENCIK ANWAR IBRAHIM BERKATA RUNDINGAN ITU DIADAKAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG BERFIKIRAN TERBUKA SERTA BENAR-BENAR BOLEH DIBAWA BERUNDING DAN BUKAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG MASIH MENTAH. -- LAGI.  
1658MST 25 04 86

U B257 DEB

MAHATHIR - PAS 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERTANIAN BERKATA PIHAK (DALAM PAS) YANG TIDAK MAHU MENGAKUI WUJUDNYA DIALOG ANTARA PEMIMPIN UMNO DAN PAS ITU BERBUAT DEMIKIAN KERANA TAKUT KEHILANGAN PENYOKONG.

(ENCIK ANWAR SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA YANG DIKATAKAN MENYERTAI PERTEMUAN ITU.)

SEMENTARA ITU HAJI YUSUF RAWA PULA BERKATA PERTEMUAN ITU SELARAS DENGAN KONSEP PAS YANG MENGAMALKAN SIKAP TERBUKA DAN BERTIALOG DENGAN SESIAPA SAHAJA TANPA MENGIRA PARTI, AGAMA DAN KETURUNAN.

KEGIATAN ITU BERTUJUAN MENJELASKAN KEMURNIAN ISLAM YANG MENJADI PERJUANGAN PAS DAN BERDAKWAH UNTUK MENGHAPUSKAN KERAGUAN TERHADAP ISLAM, KATANYA. -- BERNAMA.  
1725MST 25 04 86